

## Peniaga kena kompaun angkara tomyam mahal

**Kota Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan mengeluarkan kompaun kepada seorang pengusaha kedai makan yang menge-nakan harga tidak masuk akal di Pantai Cahaya Bulan (PCB), di sini, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Azanizam Affendi Juri ber-kata, dalam operasi jam 5 petang itu, mereka mem-eriksa kedai terbabit selepas menerima aduan daripada orang awam.

. Beliau berkata, peniaga

terbabit iaitu wanita ber-u-sia 50-an mengaku melak-ukan kesalahan tidak me-letakkan tanda harga selain mengenakan bayaran mahal kepada pelanggan.

"Pihak KPDNHEP bertin-dak di atas aduan orang ramai di media sosial ber-hubung sebuah kedai ma-kan di PCB yang menge-nakan harga makanan RM91 termasuk tomyam udang berharga RM30 ke-pada dua pelanggan.

"Hasil soal siasat, pemilik kedai terbabit memberi ala-san udang dipesan pelang-gan terbabit bersaiz besar,

namun dia tidak memapar-kan tanda harga sebenar yang boleh mengelirukan orang ramai.

"Peniaga terbabit melaku-kan kesalahan mengikut Ak-ta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan satu kompaun sudah dikeluarkan kepada pemilik premis atas kesalahan ini," katanya.

Semalam, tular di media sosial seorang pelanggan yang memuat naik senarai harga makanan didakwa mahal dan berjumlah RM91 dikenakan peniaga selepas makan berdua di sebuah ke-dai makan di PCB.